



*“A MAN NEVER STANDS SO TALL AS WHEN HE STOOPS TO HELP A CHILD”*

KANAK-KANAK AUTISMA MEMERLUKAN BANTUAN ANDA.....  
**DERMALAH DENGAN HATI YANG IKHLAS!**

Alamat kepada:

Persatuan Sumber dan Pendidikan Bagi Kanak-Kanak Autistik  
184 Jalan Bunga Cempaka, 11700 Bukit Gelingor, Penang.  
Tel: 04-6564357 Fax: 04-65778315 Email: [irceac@pd.jaring.my](mailto:irceac@pd.jaring.my)

Nama:

Saya ingin menderma sebanyak RM \_\_\_\_\_ untuk membantu kanak-kanak autisma.

Alamat:

[Semua cek haruslah dipalang dan dibayar kepada Persatuan Sumber dan Pendidikan Bagi Kanak-Kanak Autistik Pulau Pinang.]

Pos Kod:



#### OBJEKTIF-OBJEKTIF PERSATUAN

MENYEBAR MAKLUMAT  
TENTANG AUTISMA


MENYEDIAKAN PROGRAM  
PENGAJARAN-PEMBELAJARAN  
UNTUK MEMBANTU KANAK-KANAK  
AUTISMA MENJADI SEORANG AHLI  
YANG DITERIMA OLEH MASYARAKAT

MENGELOLA SEMINAR-SEMINAR DAN  
BENGKEL-BENGKEL TENTANG AUTISMA  
BAGI AHLI PROFESIONAL,  
IBU BAPA DAN SUKARELAWAH

MEMBERI BANTUAN DAN  
NASIHAT KEPADA KELUARGA  
KANAK-KANAK AUTISMA

MENG GALAK DAN MEMBIMBING  
PIHAK-PIHAK YANG BERKENAAN  
UNTUK MEMULAKAN PUSAT  
SUMBER BAGI KANAK-KANAK  
AUTISMA DI SELURUH NEGARA

**SATU PROJEK  
KOMUNITI KELAB-KELAB LIONS**



**ORANG  
RAMAI TIDAK  
MEMAHAMINYA  
SEBAB DIA  
KELIHATAN  
NORMAL . . . . .**

## APAKAH AUTISMA ?

Autisma adalah sejenis ketidakupayaan mental seumur hidup yang disebabkan oleh otak yang kurang berfungsi. Autisma boleh berlaku serentak dengan kecacatan yang lain termasuk terengat akal.

Kebarangkalian bagi kanak-kanak letaki mengidapi autisma adalah empat kali lebih banyak daripada kanak-kanak perempuan, dan ia tidak mengira status, kaum dan bangsa.

Menurut majalah Newsweek (Februari 28, 2005), terdapat lebih kurang 60 kanak-kanak autisma dalam setiap 10,000 kelahiran di Amerika Syarikat; 21 kanak-kanak autisma dalam setiap 10,000 kelahiran di Jepun; dan 20 kanak-kanak autisma dalam setiap 10,000 kelahiran di India.

Autisma dapat dikesan di peringkat awal perkembangan kanak-kanak. Kanak-kanak autisma akan memencilkan diri dan mempunyai masalah membina hubungan sosial dan emosi dengan orang lain. Mereka tidak dapat memahami apa yang berlaku dalam kehidupan mereka dan apa yang mereka lihat.

Oleh kerana mereka tidak dapat memahami persekitaran mereka, maka kanak-kanak ini akan menentang perubahan dan menunjukkan kemarahan. Jeritan serta tangisan yang berterusan sering berlaku dan penggunaan objek secara kaku dapat dilihat.

Tingkah laku yang luar biasa, berulang-ulang, serta obsesif kerap dilihat. Kanak-kanak autisma gagal belajar untuk bermain dan tidak dapat menyesuaikan diri dengan situasi dan orang lain.

Kanak-kanak autisma tidak tahu memproses maklumat dengan berkesan dan ini menghalang perkembangan komunikasi dan perkembangan mental yang normal seperti kanak-kanak lain.

Oleh sebab bahasa tidak memberi makna kepadanya, maka proses pertuturnya terbantut dan sekiranya dia boleh bertutur sekalipun, ia akan bertutur dengan cara yang luar biasa.

Dalam kalangan kanak-kanak autisma, lebih kurang satu per empat adalah dari golongan autisma tulen, manakala yang lain menunjukkan tingkah laku yang bersifat autistik.

Walau bagaimanapun, dengan adanya intervensi sosial dan pendidikan, ia dapat mengurangkan banyak masalah yang berkaitan dengan autisma.

## CIRI - CIRI AUTISMA . . . .



TIDAK MEMPEDULIKAN  
ORANG LAIN  
*DISPLAYS INDIFFERENCE*



TIDAK SUKA DIDAKAP  
*ADVERSE TO CUDDLING*



TIADA KONTAK MATA  
*NO EYE CONTACT*



MENGUNAKAN TANGAN  
ORANG DEWASA UNTUK  
MEMENUHI KEHENDAKNYA  
*INDICATES NEEDS BY USING  
AN ADULT'S HAND*



KEAKTIFAN FIZIKAL YANG  
MELAMPAU ATAU SEBALIKNYA  
*MARKED PHYSICAL  
OVERACTIVITY OR EXTREME  
PASSIVITY*



MENUNJUKKAN KEMARAHAN  
DAN MENANGIS DENGAN  
MELAMPAU: SEBAB-SEBABNYA  
TIDAK DAPAT DIKESAN  
*CRYING TANTRUMS:  
EXTREME DISTRESS FOR NO  
DISCERNIBLE REASON*



TIDAK TAKUT TERHADAP  
BAHAYA  
*NO FEAR OF REAL DANGERS*



KETAWA TANPA SEBAB  
*INAPPROPRIATE LAUGHING  
OR GIGGLING*



MENGAJUK: MENIRU PERKATAAN  
TANPA MEMAHAMINYA  
*ECHOLALIC: COPIES WORDS  
LIKE PARROT*



BERMAIN SECARA GANJIL YANG  
BERTERUSAN  
*SUSTAINED ODD PLAY*



MEMUTAR OBJEK  
*SPINS OBJECTS*



KURANG DAYA KREATIF  
SEMASA BERMAIN  
*LACK OF CREATIVE AND  
PRETEND PLAY*

Pengesahan awal sangat diperlukan untuk membantu kanak-kanak autisma mencapai potensi mereka sepenuhnya. Dengan memahami ketidakupayaan ini, kanak-kanak ini boleh dibantu untuk menguasai kemahiran dan mengurangkan masalah.